

Daftar & Menang @myASNB

www.myasnb.com.my | Tempoh Kempen: 18 Sep - 31 Dis 2019

Hadiah unit amanah bernilai

RM112,000*

untuk dimenangi

Hadiah Pertama

RM5,000

Ke-2

RM4,000

Ke-3

RM3,500

RM250

X 100 Pemenang

RM150

X 200 Pemenang

RM100

X 245 Pemenang

RM50

X 400 Pemenang

Hanya perlu daftar myASNB & berpeluang menjadi pemenang!

2 Langkah Mudah Mendaftar:

1

Kemaskini nombor telefon di cawangan dan ejen ASNB.

2

Daftar di:
www.myasnb.com.my

Muat turun di:



*Tertakluk terma & syarat

SKUAD KEMBARA
Kemaskini Butiran Anda Segera | PNB 2019

+603-7730 8899 | www.asnb.com.my

Pilihan Pelabur Bijak

Amanah Saham Nasional Berhad

ASNBtweet

ASNBlnsta

ASNBWebTube

Amanah Saham Nasional Berhad (47457-V) • Syarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad (38218-X)

Daftar & Menang @myASNB 2019

Terma dan Syarat

Kelayakan

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat 47457-V) ("ASNB").
2. Kempen ini akan bermula pada 18 September 2019 hingga 31 Disember 2019 ("Tempoh Kempen"). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlakanya.
3. Kempen ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia kecuali semua kakitangan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad termasuk dan tidak terhad kepada kakitangan Permodalan Nasional Berhad ("PNB"), ASNB, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad dan PNB Management Services Sdn. Berhad.
4. Untuk layak menyertai Kempen ini, peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
 - (i) Peserta mestilah seorang pemegang unit mana-mana tabung unit amanah yang diuruskan oleh ASNB;
 - (ii) Peserta mestilah mendaftar di portal myASNB; dan
 - (iii) Pendaftaran mesti dibuat dalam Tempoh Kempen.

Hadiah

1. Hadiah berjumlah sehingga Ringgit Malaysia Seratus Dua Belas Ribu (RM112,000) dalam bentuk unit produk unit amanah ASNB boleh dimenangi oleh Sembilan Ratus Empat Puluh Lapan (948) peserta bagi Kempen ini.
2. Hadiah terperinci adalah seperti berikut:

Tempat	Bilangan Pemenang	Nilai Hadiah (RM)	Jumlah Hadiah (RM)
Pertama	1	5,000.00	5,000.00
Ke-2	1	4,000.00	4,000.00
Ke-3	1	3,500.00	3,500.00
Ke-4 x 100 Pemenang	100	250.00	25,000.00
Ke-5 x 200 Pemenang	200	150.00	30,000.00
Ke-6 x 245 Pemenang	245	100.00	24,500.00
Ke-7 x 400 Pemenang	400	50.00	20,000.00
Jumlah	948	-Tidak Berkenaan-	112,000.00

3. Setiap peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) unit hadiah sepanjang Tempoh Kempen.
4. Pemenang akan dipilih selepas Tempoh Kempen berakhir.
5. Pemenang akan dipilih secara rawak melalui sistem yang diuruskan oleh pihak ASNB.
6. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
7. Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun unit amanah pemenang selepas tiga (3) bulan dari Tempoh Kempen berakhir.
8. Pemenang-pemenang akan dimaklumkan oleh ASNB melalui www.asnb.com.my atau platform media sosial yang diuruskan oleh ASNB.

Lain-lain Terma dan Syarat

1. Dengan menyertai Kempen ini, peserta telah bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen ini. Keputusan ASNB, sebagai penganjur, adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
2. Peserta juga bersetuju bahawa melalui penyertaan mereka di dalam Kempen ini, peserta membenarkan ASNB dan ASNB berhak untuk menggunakan nama, butiran peribadi dan gambar pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti, menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.
3. Semua pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Kempen ini.
4. ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.
5. ASNB berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat pada bila-bila masa.
6. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta dalam Kempen ini.
7. Terma dan Syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.
8. Terma dan Syarat Kempen ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.
9. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Terma dan Syarat Kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.